

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Encik John Ooh Sin Hwa
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 02 Tahun 2022 Pada 25 Februari 2022

Salam sejahtera dan selamat pagi.

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Yang Berusaha Ir. Rajendran a/l P. Anthony
Setiausaha Bandaraya,

Ahli majlis-ahli majlis,

Ketua-ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar,

Sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Majlis, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang atas kejayaan dalam menjalani audit Sistem Pengurusan Kualiti 9001:2015 ISO (*International Organization for Standardization*) oleh SIRIM Malaysia pada 24 hingga 26 Januari 2022. Kejayaan ini mencerminkan tanda aras yang tinggi dalam pengurusan dan disiplin para pegawai Majlis. Oleh yang demikian, selaku Ahli majlis yang baru, saya amat menghargai dan mengalu-alukan maklumbalas para pegawai Majlis yang telah berkongsi pendapat dan cadangan kepada saya dalam sebulan ini. Terima kasih kepada para pegawai yang telah membekalkan maklumat dan 'buah fikiran' yang bernas. Saya sentiasa mengamalkan dasar 'pintu terbuka', maka laporan dan cadangan umum yang telah saya terima dari para pegawai, sama ada melalui e-mel, surat, mesej telefon, mahupun secara lisan akan saya teliti, perhalusi dan dimajukan setiap satu perkara pada masa dan waktu yang sesuai demi kebaikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Datuk Bandar,

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian Di Kawasan Berbukit. Penelitian saya terhadap garis panduan tersebut, saya dapati bahawa Majlis telah mengambil kira dan mempertimbangkan pelbagai sudut dan ini adalah satu garis panduan yang serba lengkap. Namun, sebagai seorang yang bergiat dalam perusahaan pertanian dan perladangan selama lebih sepuluh (10) tahun, izinkan saya dengan penuh rendah diri dan takzim memurnikan lagi garis panduan tersebut. Akan bertambah mantap, sekiranya garis panduan tersebut boleh mengambil kira perkara berkenaan punca air semula jadi kawasan bukit, di mana kegiatan pertanian yang melibatkan pembinaan seperti jalan, perlu memastikan bahawa kegiatan tersebut di puncak bukit tidak menghalang atau menadah mata air semulajadi sehingga menjejaskan bekalan air di kaki bukit dan empangan. Ini untuk memastikan kepentingan petani yang lain juga terbela. Saya juga merakamkan

penghargaan kepada Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan yang telah bersama-sama saya menjalankan operasi pemantauan kawasan bukit di Daerah Barat Daya. Saya memohon supaya pemantauan berterusan dilaksanakan di kawasan bukit dan laporan berkala dikemukakan.

Datuk Bandar,

Perkara ketiga dan terakhir adalah mengenai *abattoir* atau lebih dikenali sebagai Pusat Penyembelihan Haiwan yang berada di bawah seliaan Majlis di George Town. Saya menyokong usaha Majlis untuk memodenkan *abattoir* tersebut. Penerapan amalan GVHP (*Good Veterinary Hygiene Practice*) di *abattoir* kita dan pensijilan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang merupakan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, secara langsung akan meningkatkan tahap keselamatan makanan dan pada masa yang sama menghindari mudarat penularan penyakit *zoonotik*, terutamanya apabila *abattoir* seperti ini terletak di kawasan bandaraya. Saya memohon Majlis untuk meneruskan usaha pemodenan *abattoir* ini. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan Persekitaran atas urus tadbir yang berpandangan jauh, dengan izin '*forward looking*'.

Datuk Bandar,

Kepimpinan Majlis yang cermat dan cekap adalah petanda awal bahawa Wawasan Pulau Pinang 2030 pasti berjaya dan kita berada di landasan yang betul. Semoga bandaraya kita kekal makmur dan sentosa.

Maka dengan ini saya mengakhiri ucapan penangguhan mesyuarat.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 02 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 25 FEBRUARI 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik John Ooh Sin Hwa atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh beliau seperti berikut :-

Sebagaimana sedia maklum, MBPP telah berjaya mengekalkan Persijilan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) untuk tempoh 3 tahun lagi. Walau bagaimanapun, pada masa ini MBPP telah merancang untuk memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti ini di mana usaha perluasan skop, pengukuhan dokumentasi serta inisiatif kawalan risiko sedang dilaksanakan dan dipertingkatkan selaras dengan Standard ISO 9001:2015.

Merujuk kepada Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian di Kawasan Berbukit Pulau Pinang 2021 telah mengambil kira perkara yang berkaitan Saliran, Anak Air, Bekalan Air & Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP).

Di dalam garis panduan tersebut, pengusaha tani/ pekebun perlu mengemukakan permohonan kepada pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk mendapatkan bekalan air. Sekiranya pihak PBAPP tidak dapat membekalkan air ke kawasan tersebut, maka permohonan dan cadangan perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan surat sokongan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk diselaraskan.

Selain itu, para pekebun/ pengusaha tani hendaklah memastikan *effluen* (punca air semulajadi), sisa air atau aliran air dari tapak pertanian ke alur air terdekat hendaklah mematuhi *National Standard for Drinking Water Quality* (NSDWQ) supaya tidak berlaku sebarang pelanggaran bacaan parameter kualiti air. Penalti boleh dikenakan oleh pihak berkuasa di bawah Seksyen 47(2) Enakmen Pembekalan Air 1998 kepada sesiapa yang mencemarkan sungai atau alur air.

Oleh yang demikian, semua struktur kawalan saliran yang diperlukan hendaklah dibina di dalam lot pertanian yang dicadangkan seperti *outlet sump* / perangkap sampah / *on-site detention* / *infiltration sump* / kolam takungan dan sebagainya. Pekebun/ pengusaha tani adalah bertanggungjawab menyelenggara dan membaikpulih dengan segera sebarang kerosakan kepada struktur air bagi memastikan sistem saliran sedia ada seperti sungai dan parit tidak terjejas dan agar tidak mendatangkan risiko berlakunya banjir di kawasan sekitar.

Di samping itu, MBPP sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penyembelihan dengan melibatkan pihak swasta dalam penambahbaikan dan pengendalian Rumah Sembelih Khinzir MBPP. Ini bagi memastikan hanya daging yang bermutu dan bebas penyakit sahaja diluluskan untuk pemakanan orang ramai.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 18 Mac 2022

**UCAPAN PENANGGUHAN
MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 05 TAHUN 2022
DEWAN BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
CLLR. JOHN OOH SIN HWA
AHLI MAJLIS
30 MEI 2022 (ISNIN)**

Salam sejahtera dan selamat pagi,
Yang Berbahagia Dato' Ar.(Arkitek) Yew Tung Seang
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Ir. Rajendran A/L P Anthony
Setiausaha Bandaraya

Ahli - Ahli Majlis Bandaraya
Pengarah dan ketua - ketua jabatan
Tuan - tuan dan puan - puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar yang dihormati,
Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga majlis, semoga kalian beroleh kesejahteraan, sentosa dan bahagia. Saya juga ingin mengucapkan selamat hari jadi kepada Datuk Bandar kita yang menyambut hari kelahiran beliau pada bulan ini. Semoga Datuk Bandar dipanjangkan umur dan diberkati kesihatan.

Datuk Bandar yang dihormati,
Perkara pertama. Saya selaku Ahli Majlis dari badan bukan kerajaan (NGO), yang merangkap penasihat Pertubuhan Buddhist Bersatu Pulau Pinang (*United Buddhist Order of Penang*) ingin mengusulkan cadangan bagi merangka satu garis panduan dengan TAJUK : Garis Panduan Pemutihan Banguana Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).
TUJUAN garis panduan yang dicadang ini adalah untuk membantu dan memudahcara Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), atau dalam Bahasa Inggeris, dengan izin '*Certificate of Completion and Compliance*'.

Datuk Bandar yang dihormati,
Untuk memberi sedikit LATAR BELAKANG, :- ➤ Masyarakat di Pulau Pinang terdiri daripada penduduk berbilang kaum, agama dan budaya.

➤ Dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan “ Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama - agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana - mana Bahagian Persekutuan.”

Datuk Bandar

➤ Anggaran awal yang dibuat mengunjurkan sebanyak seratus (100) buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) masih belum mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) di dalam pulau ini. Isu ini harus mendapat perhatian kita dan jalan penyelesaian perlu dicari, kerana sebagai kerajaan tempatan, kita telah diperuntukkan punca kuasa bagi mentadbir urus perkara yang melibatkan bangunan.

Datuk Bandar yang dihormati,

Antara ASAS PERTIMBANGAN yang perlu kita perhalusi dalam membangunkan garis panduan ini adalah seperti syarat - syarat asas yang dipikirkan wajar dipenuhi oleh pihak RIBI; sebagai contoh, ➤ RIBI terlibat adalah berdaftar sebagai pertubuhan yang sah dengan Jabatana Pendaftaran Pertubuhan. ➤ Hartanah yang mana bangunan RIBI terlibat dalam permohonan pemutihan adalah milik RIBI itu sendiri atau tanah yang diduduki telah mendapat kebenaran sah tuan tanah. Pendek kata, implikasi dari sudut perundangan perlu diteliti dan dipertimbangkan pada setiap peringkat untuk memastikan keabsahan keputusan yang dicapai berdasarkan garis panduan tersebut.

Datuk Bandar yang dihormati,

Tidak dapat dinafikan bahawa cadangan ini ada CABARANnya yang tersendiri. Antaranya di peringkat perancang, kita tidak mempunyai maklumat lengkap untuk keseluruhan RIBI di Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, ➤ kita boleh bekerjasama dengan Pusat Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) yang sedang membangunkan SISTEM eRIBI. SISTEM eRIBI merupakan satu sistem yang mengumpul data dan maklumat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. Dengan berbekal maklumat yang tepat, akan membolehkan garis panduan yang dirangka sesuai untuk kita menangani isu ini dan dalam masa yang sama membantu pihak RIBI.

Datuk Bandar yang dihormati,

Cadangan ini harus dikaji dan dimajukan. Pelaksanaan garis panduan ini akan membuka ruang dan membantu bangunan RIBI memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC). Sebagai kerajaan tempatan yang prihatin kepada rakyat yang berbilang kaum dan agama, saya percaya ini akan menjadi pemangkin kepada usaha untuk mewujudkan ‘Masyarakat Majmuk yang Harmoni’ sejajar dengan manifesto Kerajaan Negeri.

Datuk Bandar yang dihormati,

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah ulang tahun bandaraya berkembar. Jalinan bandaraya berkembar antara kita bersama Taipei dan Kaohsiung (Taiwan) telah diasaskan pada 28 dan 29 Mac 2011; Tahun ini adalah ulang tahun ke - sebelas (11) termentrainya Memorandum Persefahaman yang bersejarah ini. Nilai sejagat (dengan izin '*common values*') yang dikongsi antara kita seperti keadilan sosial, keharmonian masyarakat, keterangkuman, demokrasi, saling menghormati dan hak kebebasan bersuara adalah antara nilai murni masyarakat kita yang akan memastikan persahabatan antara bandaraya kita berkekalan zaman - berzaman. Hubungan erat antara bandaraya kita akan memberi faedah dan kebaikan bersama melalui pertukaran ilmu dan pengalaman dalam bidang seperti kebudayaan, pendidikan, program pertukaran belia, dan peluang perdagangan. Kita berasa amat berbangga dan semoga kita tersu menyokong sebarang usaha yang boleh membawa kebaikan bersama untuk semua.

Dengan ini saya mengakhiri ucapan penangguhan saya.

Sekian terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 05 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 30 MEI 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik John Ooh Sin Hwa di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Sebagai makluman, hanya plot-plot tanah yang dikhususkan untuk Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang diserahkan kepada MBPP hasil daripada kelulusan skim perumahan sahaja dibenarkan pengecualian Kebenaran Merancang. Walau bagaimanapun, Pelan Bangunan dan lain-lain pelan selanjutnya wajib dikemukakan untuk pertimbangan MBPP dan hal ini adalah selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang menyatakan bahawa hanya projek-projek MBPP tidak memerlukan Kebenaran Merancang.

Bagi semua tanah bermilik atau milikan persendirian pula, sebarang pembinaan adalah tertakluk kepada Kebenaran Merancang dan pelan-pelan pembangunan selanjutnya. Oleh yang demikian, pihak Persatuan RIBI boleh mengemukakan Pelan Merancang dan Pelan Bangunan melalui perunding bertauliah yang dilantik untuk pertimbangan dan kelulusan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dan kehendak-kehendak jabatan teknikal yang terlibat yang mana Sijil CCC boleh dikemukakan oleh perunding bertauliah yang dilantik apabila bangunan RIBI tersebut siap dibina kelak.

Sehubungan itu, tapak RIBI milikan MBPP tidak menghadapi sebarang isu berkenaan permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan bagi memperolehi CCC dan cadangan garis panduan pemutihan bangunan RIBI adalah merujuk kepada RIBI swasta.

MBPP turut mengambil perhatian bahawa Sistem eRIBI yang sedang dibangunkan oleh Pusat Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) boleh digunakan sebagai rujukan dalam mempertimbangkan kelulusan oleh jabatan-jabatan di Majlis serta perkongsian data di masa hadapan.

Di samping itu, MBPP akan berusaha bagi memenuhi intipati Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai bersama Bandar Taipei dan Kaohsiung terutama dalam aspek kebudayaan, pendidikan, program pertukaran belia dan peluang perdagangan di mana perjanjian tersebut turut mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memberikan kebaikan dan manfaat bersama kepada kedua-dua buah negara.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 17 JUN 2022

JwpUpAm/ppku/ptku

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Encik Wong Yuee Harnq
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 06 Tahun 2022 Pada 23 Jun 2022

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang,
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Yang Berusaha Ahli-ahli majlis,

Ketua-ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Seperti kita sedia maklum, SOP kawalan penularan wabak Covid-19 telah pun dilonggarkan sejak 1 Mei 2022. Ramai pelancong telah mengunjungi Pulau Pinang "Pulau Mutiara" yang kita sayangi ini. Ekonomi tempatan dirangsang dan banyak perniagaan kecil disambut baik dalam tempoh 2 bulan ini, terutamanya pada hujung minggu di mana ada cuti yang panjang ataupun musim cuti sekolah.

Selain daripada tanda-tanda positif ekonomi tersebut di atas, rakyat Negeri Pulau Pinang pula menghadapi isu kesesakan lalu lintas yang diakibatkan oleh musim cuti pasca Covid-19. Keadaan lalu lintas dari Jalan Burma ke Batu Ferringhi, dari Jalan Sultan Ahmad Shah ke Pengkalan Weld, dipenuhi dengan kenderaan-kenderaan yang begitu banyak.

Kita sebagai Pihak Berkuasa Tempatan harus memainkan peranan demi membantu untuk mengatasi isu lalu lintas ini. Sungguhpun Majlis telah meluluskan penambahan bilangan tempat letak kereta secara beratus-ratusan dalam Mesyuarat Biasa Majlis demi menyediakan lebih banyak lagi tempat letak kereta kepada rakyat Negeri Pulau Pinang, akan tetapi ini hanya berkuatkuasa pada kawasan-kawasan pembangunan yang baru sahaja.

Di kawasan Warisan Dunia George Town ini, kita tidak lagi menambahkan bilangan tempat letak kereta dengan sebab kita telah memaksimumkan bilangan tempat letak kereta di setiap jalan sejauh mana kita boleh. Adalah tidak sukar untuk kita memerhatikan keadaan "*total jammed*" berlaku di sekitar Padang Kota Lama, Jalan Tun Syed Sheh Barakbah dan juga Lebuhraya Light. Ini disebabkan ramai pengunjung tidak dapat memperolehi petak kereta dan harus membuat pusingan sehingga mereka dapat meletak kereta sekiranya mereka bernasib baik. Ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas menjadi lebih teruk sehingga keadaan lalu lintas di Jalan Sultan Ahmad Shah "*stand still*" dan Penguatkuasa Majlis harus menutup Jalan Tun Syed Sheh Barakbah bagi memastikan kenderaan yang ingin menghala ke Pengkalan Weld dapat bergerak dengan lancar.

Tetapi langkah penutupan jalan ini telah mendatangkan beberapa kesan kurang positif, termasuk perniagaan tempatan di sekitar Padang Kota Lama terjejas dengan sebab pengunjung tidak lagi memilih tempat tersebut sebagai *spot* mengunjungi. Saya berpendapat bahawa satu cara penyelesaian jangka masa panjang harus dirancang demi mengatasi isu lalu lintas di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, termasuk mengkaji kebolehlaksanaan untuk membina sebuah tempat letak kereta bertingkat sama di bawah tanah (*underground*) ataupun di atas tanah di sekitar Padang Kota Lama.

Sekitar Padang Kota Lama terdapat banyak tempat pelancongan seperti Padang Kota Lama sendiri, Dewan Bandaraya, tembok laut yang baru dibina, Kompleks Medan Renong, Fort Cornwallis dan sebagainya. Sekiranya kita boleh menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi di kawasan ini, pastinya akan mendatangkan kebaikan bagi setiap aspek, termasuk ekonomi tempatan, keselesaan pengunjung dan juga keselesaan para pengguna jalan raya di sekitar kawasan George Town ini.

Tapak Dewan Sri Pinang, termasuk Lebuh Duke adalah satu tempat yang berpotensi untuk mewujudkan sebuah tempat letak kereta bertingkat atas tanah. Pada waktu yang sama, Padang Kota Lama juga boleh dipertimbangkan sebagai tempat yang berpotensi untuk dibina sebuah tempat letak kereta bawah tanah (*underground carpark*) demi mengatasi isu kekurangan tempat letak kereta. Saya memohon supaya Majlis dan jabatan-jabatan berkenaan untuk mengkaji kebolehlaksanaan cadangan penambahan tempat letak kereta di kawasan tumpuan pelancong ini. Saya yakin bahawa rancangan ini akan disambut baik oleh semua rakyat sama ada di dalam ataupun di luar Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK WONG YUEE HARNG
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 06 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 23 JUN 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik Wong Yuee Harnng di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Peningkatan jumlah kenderaan yang memasuki Pulau Pinang melalui Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah merupakan faktor utama yang mengundang kepada kesesakan lalu lintas di kawasan pulau. Mengikut data statistik, Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah merekodkan kemasukan jumlah kenderaan sebanyak 2,407,704 kenderaan pada bulan April, 2,696,487 kenderaan pada bulan Mei dan 2,685,958 kenderaan pada bulan Jun 2022. Jumlah kenderaan luar yang memasuki Pulau Pinang (kawasan pulau) adalah sangat tinggi dan kapasiti jalanraya sediaada tidak dapat menampung jumlah tersebut.

Kesesakan lalu lintas yang berlaku terutama dari Jalan Burma ke Jalan Batu Ferringgi dan dari Jalan Sultan Ahmad Shah ke Pengkalan Weld dikesan berlaku hanya pada hari cuti hujung minggu atau pada hari cuti umum yang berpunca daripada kehadiran para pelancong yang datang dari luar Pulau Pinang berikutan kelonggaran SOP Fasa 4, Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membenarkan orang awam menggunakan kenderaan persendirian secara bebas. Pada masa yang sama, MBPP sering memantau keadaan trafik di kawasan ini dan telah menyelaras kitaran masa lampu isyarat dari Jalan Tanjung Tokong ke Jalan Batu Ferringgi. Manakala bagi kesesakan di Jalan Sultan Ahmad Shah, MBPP telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak PDRM bagi menutup Jalan Tun Syed Sheh Barakbah pada waktu sesak. Perkara ini turut dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Lalu Lintas dan telah bersetuju dengan penutupan Jalan Tun Syed Sheh Barakbah pada hari Sabtu, Ahad serta hari cuti umum mulai jam 7.00 malam hingga 11.00 malam. Selain itu, MBPP akan memasang papan tanda arah ke tempat letak kenderaan yang terdapat di sekitar kawasan Jalan Tun Syed Sheh Barakbah seperti tempat letak kenderaan bertingkat Lebuhraya Union dan tempat letak kenderaan Lebuhraya Downing sebagai panduan kepada orang awam yang ingin ke Jalan Tun Syed Sheh Barakbah.

Sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang, MBPP akan menaik taraf sistem lampu isyarat di sepanjang Jalan Tanjung Tokong ke Jalan Batu Ferringgi dengan menggunakan sistem pintar. MBPP akan turut mengkaji bagi menyediakan pengangkutan awam alternatif di kawasan pusat bandar. Satu kajian secara menyeluruh akan dipertimbangkan oleh MBPP mengenai cadangan untuk membangunkan sistem tempat letak kenderaan mekanikal bertingkat dan juga tempat letak kenderaan bawah tanah di tapak yang bersesuaian sekitar kawasan Padang Kota Lama yang akan mengambil kira dari pelbagai aspek termasuk alam sekitar. Pada masa ini, MBPP telah menambah sebanyak dua puluh (20) petak letak kereta berhampiran dengan Tembok Laut Padang Kota Lama bagi menampung permintaan orang awam di kawasan tersebut.

Bagi mengurangkan kesesakan trafik di kawasan bandar, MBPP telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti menambah baik laluan basikal bagi menggalakkan orang awam menaiki basikal ke pejabat, penggunaan pengangkutan awam dan kajian mengenai mikro mobiliti serta mod pengangkutan alternatif yang lain.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 20 JULAI 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

Yang Berbahagia Datuk Bandar Dato' Ar Yew Tung Seang, Setiausaha Bandaraya Dato Ir. Rajendran a/l P Anthony, Yang Berusaha Ahli - Ahli Majlis, ketua-ketua Jabatan, para wartawan yang dihormati, tuan-tuan dan puan- puan. Selamat Pagi dan Salam sejahtera saya ucapkan kepada semua.

Datuk Bandar,

Sejak tahun 2020, kita telah bermula kempen pendidikan awam kita dengan pemasangan poster-poster pada pondok perhentian bas di seluruh Pulau Pulau Pinang. Setakat ini, sebanyak 64 pondok perhentian bas di Pulau Pinang diisi dengan poster pendidikan awam. Dan tahun ini, kita juga bermatlamat untuk mencapai 100 buah pondok perhentian bas supaya diisi dengan mesej majlis.

Di antara poster poster yang dipasang, mesej yang ingin disampaikan termasuk isu kebersihan, isu

keselamatan jalan raya, termasuk tentang bike box, garisan zig zag, warden trafik , TNR, covid, kurangkan penggunaan plastik sekali guna dan sebagainya.

Kesemua visual , warna, setiap perkataan yang diguna bukan secara kebetulan tetapi dengan pertimbangan yang teliti dan merupakan hasil perbincangan daripada usaha-usaha semua pihak yang terlibat.

Tujuan utama pemasangan poster-poster ini adalah sebagai salah satu medium kempen untuk menyampaikan mesej pendidikan awam kepada orang ramai.

Tetapi, yang lebih penting , yang saya ingin berkongsi di sini, dengan kewujudan poster-poster yang menitikberatkan tentang “aesthetic”, kita juga dapat membantu mengindahkan bandaraya kita

yang disayangi. Pondok perhentian bus MBPP yang sebelum ini kosong kini telahpun diberi identiti baru.

Baru-baru ini, Georgetown Festival dengan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan Taipei telah mengadakan satu pameran mengenai “reka bentuk” ataupun “design” dengan izin yang bertajuk : “Beyond Aesthetics”.

Mesej yang disampaikan dari pameran tersebut adalah “nilai reka bentuk adalah lebih daripada mencipta keindahan, ia boleh membawa identiti baharu untuk menyelesaikan isu awam, dan merapatkan jurang pemahaman di kalangan masyarakat”

Or in english dengan izin: “the value of design is more than creating beauty, it can bring up new identity to solve public issues, and bridge the gap of understanding of society.”

Dengan kempen poster perhentian bas ini, saya berhasrat supaya kita bukan sahaja dapat membantu dalam menyelesaikan isu awam, malahan juga dapat merapatkan jurang pemahaman di kalangan masyarakat, di samping mengindahkan dan meningkatkan tahap budaya kita.

Konsep “Aesthetics” ini penting, selain daripada mementingkan hardware infrastructure, tumpuan juga harus diberi terhadap cara komunikasi dan cara pembentangan kita supaya mesej boleh disampaikan secara efektif dan telus, serta dapat mencapai hasil dan keputusan yang diinginkan.

Adalah penting apabila kita menghasilkan risalah, video, halaman web, aplikasi, bahan-bahan komunikasi, dan sebagainya supaya kita dapat

memakai cermin mata “aesthetics” , fikirkan bagaimana bahan promosi ini dapat mencetuskan pemikiran yang baru, membawa perubahan, meningkatkan tahap mesra pengguna dan bagaimana ia dapat memupuk tindakan positif dari kalangan masyarakat.

Mungkin hanya dengan ubah cara penyampaian itu , dengan pakai cermin mata aesthetic itu, kita dapat mencapai hasil yang berlainan.

Sekian, Terima Kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH CIK CONNIE TAN HOOI PENG
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 07 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 27 JULAI 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Cik Connie Tan Hooi Peng di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Pondok perhentian bas merupakan antara platform yang digunakan bagi tujuan untuk penyebaran maklumat awam dan informasi berkaitan seperti kempen penjagaan alam sekitar, cukai taksiran, penganjuran program bertaraf kebangsaan/antarabangsa dan sebagainya. Di samping itu, penghasilan risalah berbentuk digital dan video (untuk paparan media sosial serta *billboard* digital) serta laman *web* interaktif kini sedang dalam proses pelaksanaan.

Pada tahun 2022 sebanyak 25 buah pondok perhentian bas telah dirancang untuk pelaksanaan pemasangan poster kempen pendidikan awam. Untuk itu, sebut harga secara terbuka dijangka akan dipanggil pada pertengahan bulan Ogos 2022.

Selain itu, MBPP juga giat menjalankan program pendidikan dan melaksanakan penguatkuasaan terhadap penjaja kecil dan peniaga yang memfokuskan kepada tahap dan kualiti kebersihan premis perniagaan makanan di samping masih meneruskan kempen kesedaran *Say No To Plastic/Say No To Single Use Plastic* di setiap premis perniagaan.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 23 OGOS 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

LAMPIRAN

DERAF

**UCAPAN PENANGGUHAN
MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 07 TAHUN 2022
DEWAN BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
CLLR. JOHN OOH SIN HWA
AHLI MAJLIS
27 JULAI 2022 (RABU)**

Salam sejahtera dan selamat pagi,
Yang Berbahagia Dato' Ar.(Arkitek) Yew Tung Seang
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran A/L P Anthony
Dato' Setiausaha Bandaraya

Ahli - Ahli Majlis Bandaraya
Pengarah dan ketua - ketua jabatan
Rakan - rakan media
Tuan - tuan dan puan - puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar yang dihormati,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran A/L P Anthony yang telah baru baru ini menerima pengurniaan darjah kebesaran sempena hari ulang tahun ke - tujuh puluh tiga (73) Tuan Yang Terutama Tuan Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak. Pengurniaan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran Dato' ini merupakan pengiktirafan terbaik kepada beliau dan kami selaku warga majlis bandaraya tarau menumpang gembira dan bangga.

Tidak dapat dinafikan bahawa ketekunan dan kegigihan beliau dalam menabur bakti kepada bandaraya ini adalah di luar jangkaan dan luar biasa. Saya boleh menjadi saksi kepada apa yang telah dinyatakan tadi kerana ada sekali, pada cuti minggu, hari Ahad, saya terserempak dengan

Dato' Ir. yang seorang diri ulang - alik berjalan kaki di Lebu Raya Bukit Kukus kerana ingin memantau kerja - kerja penambahbaikan yang telah dijalankan sebelum ini. Jesteru, pada hari itu saya telah mengarang serangkap pantun buat Dato' Ir.

Dalam senyap beliau usaha,
Demi bandaraya maju jaya,
Pemimpin jitu kurang berbicara,
Beliau itu banyak bekerja.

Datuk Bandar dan para ahli majlis

Masih jelas dalam ingatan kita bahawa pada krisis bekalan air yang dialami baru baru ini, Dato' Ir bersama para ahli majlis turun ke akar umbi untuk menghantar air kepada penduduk yang terjejas dari siang hingga ke lewat malam menggunakan trak air majlis. Rakyat yang kepanasan dan dahaga akhirnya mendapat sesuap air kerana keprihatinan Dato' Ir.

Terima kasih dan tahniah Dato' Ir.

Datuk Bandar yang dihormati,

Perkara seterusnya yang ingin saya bangkitkan adalah berhubung cadangan Garis Panduan Pemutihan Banguana Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Saya ingin memberi maklumat kepada dewan ini bahawa susulan cadangan tersebut dibangkitkan pada 30 Mei di dewan ini, perkara berhubung RIBI turut dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada keesokkan hari. Berikutan daripada itu satu perhimpunan RIBI Buddhis yang dihadiri oleh enam puluh (60) wakil Wat Siam Buddhis dari seluruh negeri Pulau Pinang dan Malaysia telah diadakan di Dewan Perbadanan Harmoni Pulau Pinang pada 26 June, majlis tersebut turut dihadiri Ahli Dewan Rakyat Bukit Gelugor, ADUN Air Itam dan ADUN Batu Lanchang, selain daripada itu seramai seribu lima ratus (1500) penganut Buddha turut serta. Wakil - wakil RIBI Buddhis telah merakamkan sokongan mereka terhadap cadangan garis panduan ini.

Sukacita saya memaklumkan kepada dewan bandaraya bahawa pengerusi mesyuarat jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam dalam mesyuarat jawatankuasa Bilangan 3 Tahun 2022 yang telah diadakan pada 21 Julai telah memutuskan bahawa jawatankuasa tersebut **tiada halangan** untuk pihak majlis mengkaji dan meneroka kebolehlaksanaan cadangan bagi merangka garis panduan ini. Oleh yang demikian, dengan satu keselarian

halatuju jelas antara Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, saya dengan ini menyeru jabatan yang berkenaan untuk memperkasakan lagi usaha yang murni ini.

Sebagai maklumat tambahan, Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) yang merupakan sebuah agensi kerajaan negeri telah membangunkan sistem eRIBI yang merupakan satu sistem untuk mengumpul maklumat rumah ibadat bukan Islam secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. Sistem kerajaan negeri ini mengkategorikan RIBI kepada enam (6) jenis iaitu Tokong Buddha, Tokong Tao, Wat Siam, Kuil Hindu, Gereja dan Gurdwara. Enam (6) kategori RIBI tersebut boleh digunakan sebagai panduan tetap semasa kita merangka dan mengkaji garis panduan yang bakal dibangunkan.

Pada masa yang sama, rekod senarai di dalam eRIBI boleh digunakan sebagai rujukan.

Datuk Bandar, para ahli majlis dan ketua - ketua jabatan sekalian

Saya dengan ini ingin merakamkan penghargaan saya kepada ketua - ketua jabatan yang bakal terlibat dalam kerja - kerja kajian tersebut.

Dengan ini saya mengakhiri ucapan penangguhan saya.
Sekian terima kasih.

TAMAT

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 07 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 27 JULAI 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik John Ooh Sin Hwa di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Pada masa ini, tiada garis panduan yang berkaitan dengan Pemutihan Bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Walau bagaimanapun, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 telah mendasarkan untuk penyediaan kemudahan keagamaan yang terancang dan mencukupi selaras dengan kesesuaian jumlah penduduk mengikut agama dan piawaian perancangan.

Selaras dengan ini, jabatan telah pun menggunakan garis panduan - garis panduan berikut untuk syarat penyediaan kemudahan tapak RIBI :-

- i. Garis panduan untuk penyediaan kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru yang telah diluluskan pada 14 Disember 1989 (selepas ini dirujuk sebagai GP1);
- ii. Tambahan Kepada "Garis panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru" Untuk Penyediaan Tapak Ibadat bukan Islam yang telah diluluskan pada 16 Januari 2003 (selepas ini dirujuk sebagai GP2); dan
- iii. Garis Panduan Pengecualian Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tapak-Tapak Kemudahan Masyarakat Dan Utiliti Yang Telah Ditunjukkan Di Dalam Pelan Susunatur Yang Telah Diberi Kebenaran Merancang telah diluluskan pada hari yang sama di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 05/2018 pada 26 Julai 2018 (selepas ini dirujuk sebagai GP3).

Mengikut GP1, Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) adalah merupakan sebahagian keperluan kemudahan masyarakat yang hendaklah disediakan oleh pemaju sebagai syarat pematuhan Permohonan Kebenaran Merancang bagi semua skim perumahan yang dikemukakan kepada Majlis.

Piawaian perancangan bagi Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) adalah pada kadar 500 meter persegi tanah bagi setiap 5000 penduduk atau 0.10 meter persegi tanah bagi setiap penduduk. Oleh yang demikian, cadangan Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) dikira berdasarkan cadangan unit perumahan yang dikemukakan oleh pemaju. Yang mana Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) tersebut adalah untuk kegunaan penduduk skim tersebut kelak.

Mengikut GP3, Pengecualian bagi Permohonan Kebenaran Merancang hanya diberikan kepada kemudahan masyarakat satu tingkat yang mana plotnya telah diserahkan ditunjukkan di dalam Kebenaran Merancang diberi atau pelan susunatur yang

diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dengan syarat pembinaannya tidak melebihi satu tingkat.

Berhubung dengan status RIBI yang masih belum mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC), perkara ini adalah melibatkan pembinaan struktur dan tindakan selepas Kelulusan Kebenaran Merancang diperolehi.

Di samping itu, MBPP turut menggunakan sistem e-Harta yang mengandungi maklumat inventori tanah dan bangunan milik MBPP termasuk maklumat tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis.

Sekian, terima kasih.



(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 23 OGOS 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

Menukar Gaji Minima Pekerja Gred H11 di Kerajaan Tempatan

ALUAN

Yang Berbahagia Dato Bandar' Ar. Yew Tung Seang, Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir.Rajendran a/l P.Anthony ,ahli-ahli majlis, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan media, rakan-rakan sekalian dari talian, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Dato Bandar,

Pada May 1 2022, gaji minimum baharu RM1,500 sebulan telah dikuatkuasa secara rasmi. Perintah Gaji Minimum yang dikeluarkan oleh menteri sumber manusia disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan dan dimuat naik di laman web rasmi Jabatan Peguam Negara hari ini.

Peningkatan gaji minimum bermakna pekerja boleh menghadapi inflasi, taraf hidup pada masa ini, kerana mereka akan mempunyai lebih banyak kuasa berbelanja. Ini kemudiannya akan membawa kuasa pembelian yang lebih tinggi, yang seterusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Saya menyokong akta ini dan berharap ramai akan bermanfaat darinya.

Baru-baru ini, Dato Seri Saravanan berkata Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia menjalankan pemeriksaan berkala dan dengan mengejut terhadap majikan bagi memastikan tiada pekerja tercicir daripada pelaksanaan gaji minimum. Tetapi soalan saya di sini adalah, jika Kerajaan suruh syarikat swasta untuk mematuhi pelaksanaan akta gaji minimum, kenapa gaji pekerja Gred H11 kita belum ditukar?

Gaji pokok mereka masih RM1218. Walaupun dengan elaun-elaun lain, mereka peroleh gaji kasar kira-kira RM1963, tetapi Kerajaan masih belum tukar gaji pokok mereka?

Bagaimanakah mereka akan menghadapi dengan inflasi? Kadar inflasi atau kenaikan harga barangan di Malaysia dijangka kekal tinggi untuk tempoh beberapa bulan akan datang. Harga makanan yang melambung tinggi dan kos pengangkutan yang mahal akan terus mendominasi inflasi. Dengan kadar inflasi ini, bagaimana pekerja kita boleh menyimpan wang untuk kegunaan masa depan?

Saya faham bahawa pekeling harus dihantar oleh Kerajaan Persekutuan untuk menukar gaji minima pekerja Gred H11 kita. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon KPKT untuk bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menukar gaji minima pekerja Gred H11 di Kerajaan Tempatan dan ini harus dilakukan dengan segera.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH Ts. KALIYAPPAN A/L P. RENGANATHAN
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 07 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 27 JULAI 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Ts. Kaliyappan a/l P. Renganathan di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Struktur gaji Pegawai Perkhidmatan Awam yang terpakai pada ketika ini adalah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016. Ianya selaras dengan rasionalisasi skim perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Sekiranya terdapat pekeliling yang baharu berkaitan dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang ditambahbaik, maka pekeliling tersebut akan diterima pakai oleh pihak MBPP sewajarnya setelah mendapat pengesahan daripada Pihakberkuasa Negeri.

Di samping itu, pewartaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia pada 27 April 2022 adalah merujuk kepada majikan yang menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO*) 2020.

Sekian, terima kasih.



(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 23 OGOS 2022

JwpUpAm/ppku/ptku

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Dato' Dr. Shahul Hameed bin Syed Mohamed
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 08 Tahun 2022 Pada 26 Ogos 2022

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang,
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

YBhg. Dato' Ir. Rajendran a/l P. Anthony,
Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Ahli-ahli majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media.

Assalamualaikum w.b.t.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Saya ingin mencadangkan satu ucapan penangguhan berkenaan jenis pengangkutan Trem sebagai pengangkutan awam di seluruh kawasan Tapak Warisan Dunia Pulau Pinang

Kita semua sedia maklum bahawa negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang pesat membangun dari segi pembangunan industri, tarikan pelancongan, perumahan dan lain-lain pelaksanaan yang memberangsangkan pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Projek kembalikan nostalgia penggunaan pengangkutan Trem di George Town, Pulau Pinang akan menyemarakkan lagi imej George Town sebagai Bandaraya Warisan UNESCO yang terunggul. Disebabkan masalah kesesakan Lalulintas dan masalah-masalah lain di George Town pada masa ini, pengangkutan Trem adalah satu alternatif untuk mengurangkan kesesakan di kawasan Warisan UNESCO. Dengan adanya laluan Trem, masalah '*parking*' dapat dikurangkan dan kesesakan Lalulintas dikurangkan. Ini sedikit sebanyak akan membantu memberi keselesaan kepada pengunjung membeli-belah dan merencanakan perniagaan masyarakat tempatan.

Oleh kerana perancangan untuk jenis pengangkutan lain seperti MRT, LRT dan lain-lain memerlukan infrastruktur dan perbelanjaan yang amat tinggi, oleh yang demikian jenis pengangkutan Trem adalah amat sesuai dilaksanakan.

Sepertimana dalam Garispanduan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town menyatakan bahawa pembangunan tapak tidak harus memberi impak ataupun merobohkan mana-mana kawasan warisan.

Sejajar dengan garispanduan warisan ini, perkhidmatan Trem dicadangkan sebagai solusi transit yang boleh memastikan ciri-ciri budaya, rekabentuk senibina warisan dan pemandangan kota George Town turut terpelihara.

Penyokong Trem secara amnya merasakan bahawa cara pengangkutan ini akan mewujudkan rasa nostalgia pada zaman sebelum kita merdeka. Laluan Trem George Town juga dapat menghidupkan semula pra merdeka di bandaraya bersejarah George Town dan menjadi satu daya tarikan pelancong.

Kebaikan penggunaan Trem di kawasan warisan UNESCO:

1. Dengan pelaksanaan laluan Trem sudah pasti akan mengurangkan karbon dioksida di bandaraya (*zero carbon*). Pengangkutan Trem ialah cara mesra alam untuk menggerakkan sejumlah besar orang dengan cekap, mengurangkan kesesakan dan mencegah pencemaran udara.
2. Trem dikuasakan oleh elektrik dan bateri. Penggunaan petrol tidak diperlukan.
3. Selamat dan mengurangkan kes kemalangan jalan raya - Penglihatan dalaman dan luaran Trem adalah sangat jelas. Ia diintegrasikan ke dalam kawasan pejalan kaki dan juga jalan raya. Ia mempunyai bahan tidak tergelincir dan *anti-vandal*. Sistem brek yang cekap dan selamat.
4. Menepati masa ataupun tidak lambat. Trem telah menetapkan jadual yang boleh disemak oleh pengguna untuk mengatur masa mereka dengan lebih baik. Maklumat tentang jadual waktu dalam masa nyata tersedia di setiap perhentian Trem dan juga boleh disemak di laman sesawang. Ini memudahkan pengguna dan pelancong merancang perjalanan mereka dengan lebih efisien.

Memang difahamkan bahawa Kerajaan Negeri dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang (*Penang Master Plan*) menggariskan bahawa laluan Trem akan dibuat tetapi hanya 2 kilometer sahaja iaitu bermula dari KOMTAR.

Saya rasa laluan Trem ini perlu memainkan peranan jaringan yang lebih baik di seluruh kawasan tapak warisan.

Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri menyegerakan melaksanakan laluan Trem untuk kebaikan kemajuan dan kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH DATO' DR. SHAHUL HAMEED BIN SYED MOHAMED
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 08 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 26 OGOS 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Dato' Dr. Shahul Hameed Bin Syed Mohamed di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Cadangan mewujudkan semula laluan trem di dalam Tapak Warisan Dunia George Town merupakan satu usaha yang baik dan selaras dengan projek Rangkaian Hijau Laluan Awam dalam Tapak Warisan

Merujuk kepada Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKKTWDGT) yang telah diwartakan pada 1 September 2016, MBPP telah mencadangkan satu sistem tram diwujudkan dalam kawasan Tapak Warisan Dunia (TWD) George Town. Tram yang dicadangkan itu akan melalui sepanjang Jalan Penang, Jalan Sultan Ahmad Shah, Lebuh Farquhar, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Chulia, Pengkalan Weld, Gat Lebuh Chulia, Lebuh Pantai, Lebuh Light, Lebuh Carnarvon, Lebuh McNair dan Jalan Magazine. Manakala depoh untuk tram telah dicadangkan berada di sudut Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Gat Lebuh Nordin.

Kini, draf Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (Penggantian) telah dimuktamadkan dan akan dipublisiti secara awam mulai pada 28 September 2022 hingga 28 Oktober 2022.

Di samping itu, di dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang juga telah dicadangkan bagi penyediaan sistem tram di Pusat Bandar termasuk di kawasan warisan. Penyediaan sistem tram di kawasan warisan sememangnya memerlukan kajian kebolehlaksanaan yang lebih terperinci oleh Kerajaan Negeri kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan jalan-jalan yang sempit. Sehubungan itu, Jabatan Kejuruteraan sedang mengkaji bagi menyediakan perkhidmatan bas *shuttle* elektrik yang lebih ekonomi dan lebih kecil bagi perkhidmatan di dalam kawasan warisan.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 13 SEPTEMBER 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Encik John Ooh Sin Hwa
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 08 Tahun 2022 Pada 26 Ogos 2022

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

YBhg. Dato' Ir. Rajendran a/l P. Anthony
Setiausaha Bandaraya,

Ahli majlis-ahli majlis,

Pengarah dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar yang dihormati,

Ingin saya membangkitkan satu isu di lapangan yang semakin menjadi pada kebelakangan ini. Saya menerima aduan berulang kali bahawa terdapat gejala warga asing yang menyamar sebagai sami dan mengutip wang dari orang awam di pasar dan astaka Majlis.

Oleh yang demikian, selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap premis tersebut, saya mencadangkan supaya satu perbincangan diadakan oleh Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti Majlis Bandaraya Pulau Pinang bersama NGO yang berkenaan bagi menangani gejala tersebut. Antara pendekatan yang boleh diambil adalah seperti pendidikan dan pendedahan kepada orang awam melalui risalah dan poster yang boleh dipasang di sekitar pasar Majlis dengan tujuan memberi kesedaran kepada pengunjung pasar supaya berjaga-jaga dan tidak menjadi mangsa penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Bandar yang dihormati,

Sebelum saya mengakhiri ucapan penangguhan, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada para pegawai Majlis yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang baru-baru ini. Semoga pengiktirafan dan sagu hati yang diberikan akan meningkatkan semangat dan dedikasi para pegawai Majlis. Dengan ini saya mengakhiri ucapan penangguhan saya.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 08 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 26 OGOS 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik John Ooh Sin Hwa di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Berhubung aduan melibatkan warga asing menyamar sebagai sami yang mengutip wang dari orang awam di pasar dan astaka MBPP, perkara ini perlu ditangani secara kolektif bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengelak sebarang penipuan lanjut dibuat oleh warga-warga asing tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang bukti, MBPP boleh melaporkan perkara ini kepada pihak PDRM untuk diambil tindakan sewajarnya kerana ianya melibatkan jenayah penyamaran dan sindiket penipuan.

Di samping itu, satu mesyuarat penyelarasan akan diadakan bersama beberapa NGO yang turut melibatkan Ahli majlis sebagai persediaan untuk mengadakan sidang media berhubung itu tersebut yang akan diadakan pada 19 September 2022 bertempat di Pasar Awam Batu Lancang

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 13 SEPTEMBER 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Encik John Ooh Sin Hwa
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 09 Tahun 2022 Pada 20 September 2022

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Ahli majlis-ahli majlis,

Pengarah dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar dan Ahli - Ahli Majlis yang saya hormati,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Bandaraya atas kejayaan bandaraya ini menjadi tuan rumah kepada *World Congress On Information Technology (WCIT)* pada 13 hingga 15 September. Dalam menghadiri perhimpunan tersebut yang disertai oleh para tetamu antarabangsa, ramai di antara mereka menzahirkan rasa kagum atas pembangunan Bandaraya Pulau Pinang yang tersusun, hijau, bersih dan selamat. Bandaraya Pulau Pinang yang terpilih sebagai tuan rumah kepada WCIT adalah satu pengiktirafan yang besar dan bersejarah buat Majlis Bandaraya. Syabas saya ucapkan kepada jabatan-jabatan di Majlis yang masing-masing telah memainkan peranan yang cekap dan telus selama ini supaya martabat bandaraya kita diangkat sehingga ke persada antarabangsa.

Dalam masa yang sama, sukacita dimaklumkan kepada para Ahli majlis di dewan yang mulia ini bahawa pada masa kongres tersebut yang telah berlangsung selama tiga (3) hari itu, Majlis Bandaraya telah menerima kunjungan hormat dari delegasi Kerajaan Tempatan Bandaraya Taoyuan, Taiwan (*City Government of Taoyuan, Taiwan*). Kunjungan hormat tersebut yang diketuai oleh Yang Berbahagia Puan Yu Wan-ju, Ketua Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat, Kerajaan Tempatan Bandaraya Taoyuan, Taiwan pada 13 September.

Bandaraya Taoyuan seperti Bandaraya Pulau Pinang adalah sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa. Dalam masa yang sama, seperti kita, mereka juga sedang giat melaksanakan dasar hijau, bandaraya pintar dan dasar pembangunan mampan. Baru-baru ini, Bandaraya Taoyuan telah menerima anugerah bandaraya pintar pada 14 September yang lalu di perhimpunan WCIT. Ini merupakan satu pengiktirafan bertaraf antarabangsa.

Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan usaha kerjasama kita bersama Bandaraya Taoyuan dan berharap hubungan erat ini boleh diperkembangkan, terutamanya apabila pelabur asing dari Taiwan adalah antara yang terbesar di Pulau Pinang. Saya yakin bahawa jalinan hubungan erat ini akan membawa manfaat bersama dalam perkongsian kepakaran, teknologi dan pengalaman. Di samping itu, kita akan dapat menarik pelaburan asing bidang teknologi untuk terus mengembangkan dan merangsang ekonomi tempatan.

Datuk Bandar dan Ahli - Ahli Majlis yang saya dihormati,

Perkara seterusnya yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan ekosistem sungai dan tasik di taman-taman yang dikawal selia oleh Majlis. Maklumlah bahawa di taman kita juga terdapat kolam dan sungai yang akhirnya mengalir ke perairan umum. Adalah menjadi kebiasaan penggemar haiwan peliharaan seperti ikan hiasan dan kura-kura untuk melepaskan haiwan tersebut setelah mereka tidak lagi berminat untuk terus memelihara haiwan tersebut. Saya mengiktiraf bahawa amalan tersebut adalah satu amalan yang baik dan mulia atas asas keprihatinan dan kebajikan haiwan.

Namun, ikan dan kura-kura yang dilepaskan ke sungai di taman kita seandainya bukan jenis baka tempatan dan adalah baka asing, ini akan membawa mudarat kepada spesies ikan, kura-kura dan udang tempatan. Pencerobohan tidak sengaja oleh spesies haiwan asing (*invasive species*) yang lebih buas dan kian membiak akan membawa mudarat kepada ekosistem sungai dan tasik kita. Oleh yang demikian, saya berharap orang awam boleh melupuskan haiwan peliharaan ini dengan cara yang lebih bertanggungjawab. Antara cara yang diamalkan di negara seperti Australia adalah tuan pemilik haiwan itu memberikan haiwan tersebut kepada penggemar haiwan peliharaan yang lain atau memulangkannya kepada kedai haiwan peliharaan yang sudi menerima.

Kini, bandaraya seperti di Australia dan di Amerika Syarikat sedang menghadapi masalah pencerobohan haiwan asing (*invasive species*) yang mula memberi kesan kepada ekosistem tempatan. Perkara ini bertambah mustahak kepada kita terutamanya apabila Pulau Pinang adalah antara penerima anugerah '*Biosphere Reserve*' oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - UNESCO pada tahun 2021. Dalam pada itu, kita perlu mengambil langkah awal yang bijak supaya ikan dan udang tempatan tidak pupus di perairan kita.

Datuk Bandar dan Ahli - Ahli Majlis yang saya dihormati,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada salah seorang Ahli majlis kita iaitu, Tuan Quah Boon Lim yang menyambut hari jadi beliau semalam. Semoga beliau dipanjangkan umur, sihat dan sentosa.

Dengan ini saya mengakhiri ucapan penanguhan saya.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 09 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 20 SEPTEMBER 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli majlis, Encik John Ooh Sin Hwa di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

Penganjuran World Congress On Innovation Technology (WCIT2022) pada 13-15 September 2022 yang bertempat di Setia SPICE Convention Centre, Pulau Pinang telah berjaya menghimpunkan seramai 4,000 peserta dari 60 buah negara dengan 200 pembentang dari pelbagai bidang teknologi dan inovasi. Kongres yang berlangsung selama 48 jam ini telah berjaya dimanfaatkan melalui perkongsian maklumat oleh pemimpin, pemain industri dan teknologi di samping mampu menarik nilai pelaburan digital sebanyak RM 46 bilion samada dari dalam dan luar negara.

Di samping itu, MBPP turut mengambil perhatian terhadap pencapaian Bandaraya Taoyuan, Taiwan dalam pencapaian inisiatif pintar serta cadangan jalinan hubungan bagi perkongsian kepakaran dan pengalaman daripada Bandaraya tersebut.

Berhubung isu ekosistem sungai dan haiwan peliharaan yang dibangkitkan, MBPP akan merujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang di samping akan turut bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi isu ini pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.


(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 13 OKTOBER 2022
JwpUpAm/ppku/ptku

Ucapan Penangguhan Oleh Ahli majlis Encik John Ooh Sin Hwa
Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12 Tahun 2022 Pada 15 Disember 2022

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

YBhg. Dato' Ar. Yew Tung Seang
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

YBhg. Dato' Ir. Rajendran a/l P. Anthony
Setiausaha Bandaraya,

Ahli majlis-Ahli majlis,

Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Datuk Bandar kerana memberi laluan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mesyuarat ini.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Pada masa apabila kita semakin menghampiri penghujung tahun 2022, sebelas bulan ini telah berlalu bagai air Bengawan Solo yang meluap-limpah deras mengalir sampai ke laut, iaitu tanpa henti dan laju. Dalam erti kata mudah, sekelip mata sahaja. Namun pada peredaran masa yang cepat ini, beberapa perkara sempat menangkap perhatian saya, seperti apabila insani yang menaiki pesawat, walaupun terbang dengan laju, namun gunung yang tinggi dan megah tetap tidak akan terlepas pandang.

Perkara yang menarik perhatian saya, perkara yang saya maksudkan itu adalah ketekunan, kerajinan, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keazaman para pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dalam menggalas tugas-tugas mereka. Terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada mereka.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Masih segar dalam ingatan bahawa, pada hari pertama saya menjejak kaki di dalam dewan yang mulia ini, apabila ditemubual oleh para wartawan, apa antara hasrat utama saya yang hendak saya capai sepanjang perkhidmatan saya di Majlis Bandaraya Pulau Pinang, saya masih ingat bahawa antara perkara utama yang saya berhasrat untuk mencerakin dan laksanakan adalah untuk meningkatkan pendapatan dan memulihkan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Untuk makluman, pada ketika itu kedudukan kewangan wang tunai Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada penghujung tahun 2021 adalah lebih kurang RM378 juta. Namun, pada hari ini, sukacita dimaklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa kedudukan kewangan wang tunai Majlis Bandaraya Pulau Pinang terkini yang dilaporkan adalah sebanyak sekitar RM485 juta. Ini merupakan peningkatan kasar sebanyak RM107 juta, kiraan peningkatan peratusan adalah bersamaan 28% dari angka asal pada penghujung tahun 2021.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Saya ingin menyatakan bahawa ini bukan pencapaian perorangan tetapi satu pencapaian sejagat seluruh warga Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Akan tetapi penghargaan khas perlu ditujukan kepada Datuk Bandar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, ini juga termasuk Ahli majlis Encik Wong Yuee Harnng selaku selaku Pengerusi Gantian yang sentiasa menitik beratkan pengurusan tersusun kewangan Majlis. Saya juga perlu menyebut nama Ahli majlis Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Mohamed Noor selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Peningkatan Hasil, Pengurangan Perbelanjaan dan Pengurangan Tunggakan yang mana tatakelola perbendaharaan cermat dan perbelanjaan yang terurus sentiasa dititikberatkan oleh beliau. Penghargaan khas juga ditujukan kepada Ahli majlis Encik Harvindar Singh a/l Darshan Singh dan juga Ahli majlis Dato' Francis a/l Joseph yang merupakan Ahli di Jawatankuasa Perolehan, tempat di mana segala perolehan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dilaksanakan dengan telus dan adil. Akhir sekali, tidak boleh dilupakan kakitangan Majlis dari Jabatan Perbendaharaan dan juga Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yang tidak kenal letih dan lesu dalam memastikan pentadbiran kewangan sentiasa cekap dan mantap. Maka, dengan penuh rasa rendah diri, hormat dan takzim, saya bersyukur dapat bersama-sama Datuk Bandar dan Ahli majlis yang berpengalaman dalam usaha mencapai kejayaan tersebut dan berpeluang untuk turut memperkenalkan dasar seperti kutipan hasil melalui *auto debit* dan dasar penjimatan.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Saya menyambut baik bahawa tempoh seranta Draf Rancangan Tempatan bakal dilanjutkan bagi membolehkan kesedaran awam terhadap perkara tersebut dapat dipertingkatkan lagi dan memberi masa yang mencukupi untuk menerima maklumbalas penduduk terhadap pembangunan masa depan bandaraya kita. Saya ingin menunjukan penghargaan khas kepada Pemangku Pengarah Perancangan Pembangunan, Puan Zuraini binti Mat Rasit dan kakitangan jabatan yang telah selama tempoh pameran draf tersebut mengorbankan masa terutamanya pada waktu luar pejabat untuk menyempurnakan tanggungjawab yang telah diberi. Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penduduk di bandaraya ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk memanjangkan borang maklumbalas kepada jabatan berhubung perkara perlingkungan yang boleh diperhalusi dengan lebih lanjut.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan adalah berhubung surau bergerak. Dengan beralihnya zaman pandemik dan orang ramai kembali bebas bergerak, bandaraya ini yang memiliki aneka tarikan pelancongan ditambah pula dengan kedai makanan Pulau Pinang yang menerima anugerah Michelin baru-baru ini, sememangnya Pulau Pinang akan menerima lebih ramai pengunjung, terutamanya pada musim cuti ini. Kota warisan kita yang telah didirikan sejak pendaratan Francis Light pada tahun 1786 dan kini dipenuhi dengan deretan demi deretan bangunan lama sememangnya mempunyai kekurangan surau awam.

Masalah ini pernah dibangkitkan oleh Ahli majlis yang saya hormati, Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Mohamed Noor. Maka antara cara untuk menangani perkara ini yang pernah diilhamkan adalah dengan mewujudkan surau bergerak. Surau bergerak bukanlah satu perkara yang baru dan luar biasa malah ia pernah dilaksanakan di bandaraya yang lain. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti untuk mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Yayasan Islam Pulau Pinang selaku agensi pelaksana untuk berbincang dan mengkaji kebolehlaksanaan cadangan tersebut.

Datuk Bandar, Ahli majlis-Ahli majlis dan para pegawai yang saya hormati,

Dengan ini saya mengakhiri ucapan penanguhan saya. Tidak dilupakan, kepada warga Majlis yang beragama Kristian, selamat menyambut Hari Natal.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

**JAWAPAN KEPADA UCAPAN PENANGGUHAN AHLI MAJLIS
OLEH ENCIK JOHN OOH SIN HWA
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS BILANGAN 12 TAHUN 2022
YANG DIADAKAN PADA 15 DISEMBER 2022**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, Encik John Ooh Sin Hwa di atas pandangan dan pemerhatian yang telah dibangkitkan di dalam ucapan penangguhan beliau. Justeru, sukacita disampaikan ulasan kepada perkara yang disentuh oleh beliau seperti berikut:-

MBPP sentiasa komited serta melaksanakan pengurusan perbelanjaan kewangan secara berhemah yang akan memastikan perkhidmatan terbaik dan manfaat melalui pelaksanaan projek dan program yang mampan, membangunkan imej persekitaran beridentiti dan berkualiti, penyediaan kemudahan infrastruktur seterusnya meningkatkan ekonomi yang dinamik serta berdaya saing.

Mengenai Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2030 (DRTPPP 2030), Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi draf tersebut telah bermula pada 14 Oktober 2022 hingga 13 Disember 2022. Walau bagaimanapun, tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini telah dilanjutkan sehingga 10 Januari 2023. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini bertujuan memberi pendedahan dan peluang kepada orang ramai menyemak, mengemukakan cadangan, maklumbalas, mahupun bantahan yang akan diambilkira dalam memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan ini sebelum pewartaan. Di samping itu, sesi taklimat turut diadakan secara fizikal di pusat membeli belah serta di lokasi-lokasi lain dan secara atas talian melalui aplikasi Zoom.

Berhubung cadangan bagi mewujudkan surau bergerak, MBPP akan mengadakan perbincangan bersama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Yayasan Islam Pulau Pinang pada tahun 2023. Kos-kos yang terlibat akan menggunakan peruntukan tahun 2023.

Sekian, terima kasih.



(DATO' Ar. YEW TUNG SEANG)
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BERTARIKH : 30 DISEMBER 2022

JwpUpAm/pkp/ptku